

# Bakal disumbangkan oleh tiga projek hartanah dengan GDV RM1.4 bilion Naza TTDI unjur jualan 20 peratus

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

## PETALING JAYA

Naza TTDI Sdn. Bhd. (Naza TTDI) menyasarkan pertumbuhan jualan antara 15 hingga 20 peratus bagi tahun ini berbanding lebih RM1 bilion yang direkodkan pada 2015 yang dipacu oleh pelancaran tiga projek hartanahnya dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan mencecah RM1.4 bilion.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulannya, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, sasaran tersebut diyakini mampu dicapai bersandarkan kadar tempahan memberangsangkan yang diterima terhadap projek baru dilancarkan, TTDI Segaris meskipun dalam persekitaran pasaran hartanah yang mencabar kini, khususnya hartanah mewah.

"Sebelum ia mula dilancarkan, projek TTDI Segaris telah pun menerima lebih 60 peratus kadar tempahan dan kami yakin ia mampu meningkat sehingga 90 peratus tidak lama lagi.

"Ini seterusnya akan diperkukuhkan lagi dengan pelancaran dua projek baharu pada suku ketiga tahun ini iaitu pangsapuri di Alam Impian dan projek sulung di KL Metropolis, Mont Kiara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran projek TTDI

Segaris di sini semalam.

Sementara itu, mengenai projek TTDI Segaris, SM Faliq berkata, kediaman dupleks pertama di

Taman Tun Dr. Ismail (TTDI), dekat sini yang dibangunkan dengan kerjasama Pride itu melibatkan GDV bernilai RM227 juta.

"Meskipun bukanlah sebuah projek bertaraf mega dan melibatkan pelaburan yang tinggi, TTDI Segaris merupakan sebuah projek penting kepada kami kerana ia didirikan di kawasan perbandaran ikonik iaitu TTDI yang mempunyai latar belakang penduduk asal dan tempatan," ujarnya.

Terdiri daripada 153 unit dupleks dan 32 unit bukan dupleks dalam 28 tingkat, TTDI Segaris didirikan di atas kawasan pegangan pajakan seluas 0.41 hektar.



SM Faliq (dua dari kiri) melihat model projek kediaman TTDI Segaris pada majlis pelancarannya di Petaling Jaya semalam.